

03 APR 1997

Mahathir-Putra (sked)

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA KINI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

SERDANG, 3 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia (UPM).

Nama itu dipilih kerana lokasinya yang bersebelahan dengan Putrajaya, pusat pentadbiran baru kerajaan yang terletak dalam Koridor Raya Multimedia (MSC). Pusat pentadbiran baru itu mengambil nama Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra.

"Putra juga bermakna rakyat yang muda dan remaja," katanya semasa berucap sebelum mengadakan dialog bersama-sama pelajar dan kakitangan UPM semasa lawatan rasmi seharusnya ke universiti itu hari ini.

Pengumuman itu disambut dengan tepukan gemuruh ribuan pelajar dan kakitangan universiti yang memenuhi Dewan Sultan Salahuddin Abdul Aziz UPM di sini.

Dr Mahathir berkata nama universiti itu perlu ditukar memandangkan peranannya bukan lagi tertumpu kepada bidang pertanian malah memainkan peranan penting dalam penyelidikan dan pembangunan bidang sains dan teknologi seperti teknologi maklumat dan multimedia.

Dr Mahathir berkata beliau bangga dengan kemajuan yang dicapai UPM -- "universiti yang ditubuhkan untuk nak ajar orang kita menanam padi dan menangkap ikan."

"Sekarang ini, kita lihat banyak kemajuan yang dicapai dan pendidikan yang dibuat telah banyak menghasilkan produk-produk dan cara-cara pengeluaran yang unik dan tidak pernah dikeluarkan pihak-pihak lain," katanya.

Pada masa ini, 60 peratus daripada lebih 23,000 pelajar universiti itu menuntut dalam bidang sains dan selebihnya di dalam bidang sastera dan sains sosial.

Tahun lepas sahaja, UPM telah meraih Anugerah Institusi Penyelidikan dan Pembangunan Yang Terbaik di Malaysia, Anugerah Pengurusan Khas Teknologi Maklumat dan Anugerah Pencapaian Teknologi Maklumat Persatuan Industri Komputer Malaysia (Pikom).

Perdana Menteri berkata walaupun sebahagian besar ekonomi Malaysia kini bukan lagi berasaskan pertanian, kegunaan hasil sektor pertanian dalam industri tidak harus dilupakan.

"Kita perlu kepada penyelidikan dan pembangunan dalam bidang penggunaan hasil pertanian dan penggunaan tanah yang dapat memberi hasil yang maksimum kepada kita," katanya.

Dalam era teknologi maklumat sekarang, teknologi tersebut perlu digunakan bagi meningkatkan lagi hasil pertanian.

Katanya ini penting kerana pada masa akan datang, hasil pertanian akan dikeluarkan oleh sebilangan kecil tenaga pekerja tetapi perlu mampu menampung keperluan masyarakat dalam industri lain.

Sebelum itu, Dr Mahathir dengan diiringi Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak telah diberi taklimat mengenai pembangunan UPM oleh Naib-Canselornya, Prof Datuk Dr Syed Jalaludin Syed Salim.

Perdana Menteri juga menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara UPM dan Technology Resources Industries Bhd (TRI) bagi penubuhan Post Graduate School of Management (Sekolah Pengurusan Lepas Ijazah).

Pengerusi TRI, Tan Sri Tajudin Ramli, mewakili TRI manakala UPM diwakili oleh Dr Syed Jalaludin. -- BERNAMA

NI ES NMO

0